

# Samir & Kawan Onlinenya



## NOTA KEPADA PEMBACA

Penderaan seksual kanak-kanak boleh berlaku dalam talian atau lebih dikenali sebagai *online* melalui internet dan aplikasi media sosial. Ia boleh berlaku melalui pelbagai cara seperti pengantunan, *sexting*, paksaan dan ugutan terhadap kanak-kanak bagi tujuan seksual.

Penderaan seksual kanak-kanak secara *online* memberi kesan kepada semua kanak-kanak termasuk kanak-kanak kurang upaya. Kanak-kanak kurang upaya lebih berisiko kerana ketidakupayaan mereka. Contohnya, cabaran kognitif dan limitasi komunikasi menjejaskan keupayaan mereka untuk memahami, mendedahkan dan mendapatkan bantuan apabila didera.


Buku cerita ini mengenai penderaan seksual secara *online* melibatkan seorang kanak-kanak lelaki yang pekak. Kanak-kanak pekak boleh mengakses internet dan media sosial seperti kanak-kanak yang boleh mendengar. Mereka berkomunikasi menggunakan mesej dan Bahasa Isyarat semasa panggilan video. Jika kanak-kanak ini berasa dipinggirkan atau dalam kesunyian, mereka mudah menjadi sasaran pendera *online*.



Samir seorang kanak-kanak pekak yang berumur 15 tahun. Dia belajar di Sekolah Menengah Pendidikan Khas.




Samir tinggal di asrama sekolah.  
Sebulan sekali, ibu bapanya akan  
datang melawatnya.



Samir seorang yang pendiam.

Selepas sekolah, warden asrama memberi kebenaran kepada Samir untuk menggunakan telefon bimbitnya. Samir mesej ibu bapanya. Dia juga bermain permainan *online*.



Satu hari ketika bermain permainan *online*, Samir mendapat “*friend request*” daripada seorang perempuan bernama Candy. Dia menerimanya.




Samir mendapat balasan serta merta daripada Candy. “Hi Samir, skor awak bagus! Harap saya boleh main macam awak!”



Samir terkejut tetapi dia berasa gembira  
kerana seorang perempuan telah  
memerhatikannya dan memujinya.



Pada keesokan petang, Samir nampak Candy sedang berada dalam *online*. Candy mesej Samir, “Saya suka cara awak bermain. Awak sangat hebat!”




Candy mesej Samir setiap kali Samir *online*.  
Candy mula bertanya tentang tip-tip permainan.  
Samir berasa malu pada awalnya tetapi mula  
memberikan tip kepada Candy.



Tidak lama kemudian, Candy mula bertanya kepada Samir tentang diri Samir, sekolah dan kawan-kawannya. Samir mula berkongsi tentang dirinya seorang pekak, sekolahnya dan betapa sunyinya dia rasa.



Candy mesej Samir, “Saya faham.  
Saya juga seorang pekak.  
Saya mahu menjadi kawan awak.  
Awak boleh percayakan saya.”



Samir dan Candy bertukar  
nombor telefon dan mula  
menghantar mesej setiap hari.



Pada suatu petang, Samir mengajak Candy untuk berjumpa. Candy membalas, "Saya malu, boleh tak kita berkongsi gambar dahulu?"



Samir mengambil *selfie* dan berkongsi dengan Candy. Candy membalas, “Wah, handsome-lah awak!”




Candy menghantar gambarnya kepada Samir.  
Samir berfikir, “Wow! Candy sangat cantik.  
Saya sangat bertuah.” Selepas itu,  
Samir dan Candy semakin kerap  
berkongsi gambar mereka.



Selepas beberapa hari,  
Candy memberitahu Samir,  
“Saya nak kenal awak dengan lebih  
mendalam....sebagai teman lelaki saya”.  
Samir menerima gambar Candy tanpa baju.



Samir merasa malu dan keliru.  
Candy meminta gambar Samir tanpa baju.  
Samir tidak membalasnya.



Kemudian, Candy mesej Samir, “Tak apa jika awak tidak mahu, Samir. Saya akan cari teman lelaki lain yang percayakan saya.” Samir dengan rasa berat hati menghantar *selfie* tanpa baju.



Candy membalas, “Saya tak sabar nak jumpa awak”, dan dia meminta lebih banyak gambar intim. Disebabkan takut akan kehilangan Candy, Samir mangikut semua permintaan Candy.



Beberapa hari kemudian,  
Candy mengajak Samir untuk  
berjumpa di luar pagar sekolah pada  
jam 6 petang pada keesokan hari.




Apabila Samir pergi berjumpa Candy, terdapat seorang lelaki yang menunjuk ke arah telefon Samir. Samir melihat mesej di telefonnya, “Hello, saya Candy.”




Samir terkejut. Lelaki tersebut menunjukkan telefonnya kepada Samir. Samir melihat gambar-gambar intim yang dia hantar kepada Candy.



Lelaki tersebut mesej Samir dan meminta duit. Jika tidak dia akan memuat naik gambar tersebut di *online*. Dia akan datang mengambil duit tersebut pada keesokan hari.




Samir tidak tahu apa yang perlu dia lakukan.  
Dia terkejut kerana “Candy” sebenarnya  
seorang lelaki yang sekarang cuba  
mendapatkan duit daripadanya.




Samir merasa risau. Dia bertanya-tanya,  
“Apa akan berlaku jika gambar tersebut  
dimuat naik di *online*?”




Pada keesokan hari, Samir berjumpa dengan lelaki tersebut dan memberi duit kepadanya. Lelaki tersebut meminta lebih banyak lagi duit. Dia mesej Samir yang dia akan datang pada hari Isnin berikutnya.



Lelaki tersebut memberi amaran kepada Samir yang dia akan memuat naik gambar tersebut jika Samir memberitahu sesiapa tentang perkara ini. Samir bersetuju untuk memberikan duit lagi kerana takut.



Tukang kebun sekolah, Pak Cik Somi, ternampak Samir berjumpa dengan seorang lelaki di luar pagar sekolah dan memberikan duit kepadanya pada setiap petang Isnin. Pak Cik Somi memberitahu warden asrama, Encik Alex.



Pada hari Isnin berikutnya, Encik Alex menunggu di pagar sekolah dan memerhatikan apa yang berlaku. Apabila Samir kembali, Encik Alex menyapa bahu Samir dan menunjukkan isyarat, “Siapa lelaki itu? Mengapa kamu memberikan duit kepadanya?”



Disebabkan berasa takut dengan amaran lelaki tersebut, Samir hanya berdiam. Encik Alex menunjukkan isyarat, “Kamu ada apa-apa masalah? Saya boleh bantu kamu.”




Samir kemudiannya menunjukkan isyarat tentang 'Candy', gambar-gambarnya dan duit yang dia berikan kepada lelaki tersebut. Encik Alex sangat terkejut.



Encik Alex menunjukkan isyarat kepada Samir, “Lelaki itu telah memerangkap kamu dan sekarang dia mengugut kamu. Ini bukan salah kamu. Kita kena hentikan perbuatan ini.”




Encik Alex terus menghubungi ibu bapa Samir. Mereka datang ke sekolah. Bersama dengan Encik Alex, mereka membuat satu laporan polis.




Pada hari Isnin seterusnya, ketika lelaki tersebut datang berjumpa Samir untuk mengambil duit, polis menangkapnya.

Polis menemui gambar-gambar Samir dan kanak-kanak lain di dalam telefon lelaki tersebut.



**Ingat:** Ketika *online*, jangan berkongsi maklumat peribadi atau gambar dengan seseorang yang kamu tidak pernah jumpa.

Jika kawan *online* membuatkan kamu berasa tidak selesa, keliru atau mengugut kamu, beritahu orang dewasa yang kamu percaya. Dengan cara ini, kamu boleh menghentikan penderaan tersebut.



Isikan bulatan dengan nama orang yang  
kamu percaya dan boleh membantu kamu.



Pusat Kesedaran Wanita (WCC) adalah sebuah organisasi bukan berkeuntungan untuk membendung keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak, serta mempertingkatkan kesaksamaan gender dan keadilan sosial.

**Penulis**

Prema E. Devaraj

**Penterjemah**

Salma Rasid dan Hastiny Subramaniam

**Kartunis**

Faizati Mohd Ali

**Penghargaan Khas**

Lucy Lim Yoke Kwan

**Lakaran dan Reka Letak**

C-Square Sdn Bhd, Penang

**Penerbit**

Women's Centre for Change

**Disokong oleh**

YAYASAN  
HASANAH  
 A foundation of Khazanah Nasional

Copyright © 2023, Women's Centre for Change, Penang



[www.wccpenang.org](http://www.wccpenang.org)



**Women's Centre for Change**

241, Jalan Burma, 10350 Penang, Malaysia.

 +604-228 0342  +6011-3108 4001  [wcc@wccpenang.org](mailto:wcc@wccpenang.org)

**Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW)**

13, Lorong Sutera 6, Taman Sutera, 13700 Seberang Jaya, Penang, Malaysia.

 +604-398 8340  +6016-439 0698  [ppw@wccpenang.org](mailto:ppw@wccpenang.org)

    WCC Penang